

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 AUGUST 2016

Permohonan maaf Dr. M ada agenda - Ahmad Bashah

UM - 28/8/2016

ALOR SETAR 27 Ogos - Keikhlasan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengemukakan permohonan maaf berkaitan pindaan kuasa Yang di-Pertuan Agong di dalam Perlembagaan Persekutuan ketika menjadi Perdana Menteri dipersoalkan malah disifatkan mempunyai agenda tersendiri.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, apa yang menjadi tanda tanya ialah kenapa bekas Perdana Menteri itu mengambil masa lama untuk berbuat demikian dan bukan ketika menjadi Perdana Menteri.

“Walaupun beliau (Dr. Mahathir) minta maaf, beliau minta maaf dalam keadaan yang semacam ini, dulu tidak minta maaf dekat sesiapa pun jadi adakah minta maaf itu kerana dia memerlukan sesuatu?” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Alor Setar di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang secara terbuka mengakui dan memohon maaf berhubung tindakannya membuat pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan ketika menjadi Perdana Menteri dalam blognya kelmarin.

Dr. Mahathir mengakui, tindakan beliau itu menyebabkan kelulusan serta tandatangan Yang di-Pertuan Agong tidak diperlukan untuk suatu Akta Parlimen menjadi

kan sebagai undang-undang.

Mengulas tentang UMNO Kedah, Menteri Besar itu memberi amaran kepada ahli termasuk pemimpin di peringkat akar umbi agar tidak bersikap seperti ‘gunting dalam lipatan’.

“Saya bagi amaran kepada ahli parti kalau mereka masuk parti lain secara automatik keahlian mereka gugur termasuk jawatan mereka dalam parti, mereka harus melepaskan.

“Saya tahu terdapat gerakan di peringkat cawangan dalam kalangan bekas pemimpin UMNO yang ingin tubuh parti baharu menarik masuk ahli UMNO di Parlimen tentu namun saya percaya tidak ramai kerana banyak yang masih setia dengan UMNO,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar, semua pemimpin di peringkat cawangan menggerakkan segera kempen pendaftaran pengundi baharu terutama dalam kalangan yang mempunyai ‘asid deoksiribonukleik’ (DNA) UMNO.

“UMNO Kedah bersungguh-sungguh untuk daftar pengundi baharu terutama yang ada DNA UMNO, kita sudah dapat senarai dan akan segera daftarkan mereka.

“Pemimpin di peringkat cawangan tidak boleh tinggal seorang pun apatah lagi mereka ini adalah ahli UMNO yang lama kerana angka ini yang akan tentukan kemenangan parti dalam pilihan raya umum akan datang,” katanya.